



Ruj : KEW.500-13/6 Jld.58

Kementerian Kewangan

Tarikh : 22 Mei 2019

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah

Semua Ketua Badan-Badan Berkanun dan

Semua Ketua Agensi Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BILANGAN 3 TAHUN 2019

PEMBATALAN SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BERKENAAN KAWALAN EMOLUMEN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk membatalkan dua pekeliling berkaitan kawalan emolumen yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan seperti berikut: -


- i. Pembekuan Pewujudan Dan Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Dan Badan-Badan Berkanun Melalui Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 3 Tahun 1998 (*Rujukan: F.200/97/(209) Bertarikh 06 April 1998*); dan
- ii. Pengisian Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Dan Badan-Badan Berkanun Melalui Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 8 Tahun 2009 (*Rujukan: KEW.500-13/6 Klt.47 Bertarikh 15 Mei 2009*).

3. Bagaimanapun, pengeluaran waran perjawatan bagi pewujudan jawatan masih lagi dikekalkan di bawah Kementerian Kewangan selaras dengan Seksyen 15 (3)(b), Akta Acara Kewangan 1957.

4. Sehubungan itu, semua Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua Jabatan Negeri, Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah, Ketua Badan-Badan Berkanun, Ketua Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dikehendaki untuk mengambil perhatian ke atas perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA, BERSIH CEKAP DAN AMANAH”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”**



(DATUK BAHARI HJ HASSAN)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah

s.k Yang Amat Berhormat Ketua Menteri
Merangkap, Menteri Kewangan Negeri Sabah

s.k Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri